

## Kanak-kanak Belajar Membaca Menggunakan Buku Cerita Dwibahasa

### Children Learning to Read with Dual Language Storybooks

MUKHLIS ABU BAKAR

#### ABSTRAK

*Dalam sistem pendidikan Singapura, dua bahasa wujud secara berasingan: bahasa Inggeris bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran teras seperti Matematik dan Sains manakala bahasa Ibunda dipelajari sebagai satu mata pelajaran. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa pendekatan ini, dalam suasana kehidupan masyarakat yang di dominasi bahasa Inggeris, bukanlah yang terbaik untuk menghasilkan pelajar yang selesa dan cekap menggunakan bahasa Ibunda di samping bahasa Inggeris. Kadar kanak-kanak Singapura yang lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris di rumah daripada bahasa Ibunda telah meningkat tahun demi tahun, menjejaskan pelestarian bahasa Ibunda sebagai bahasa seharian. Dalam usaha mengembalikan minat dan keupayaan kanak-kanak Melayu membaca dalam bahasa Melayu, kajian yang dilaporkan dalam kertas kerja ini menyelidiki nilai strategi yang melibatkan kanak-kanak prasekolah membaca bersama ibu bapa dan rakan sebaya dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan menggunakan buku cerita dwibahasa. Sepuluh kanak-kanak prasekolah menyertai sesi membaca dengan ibu bapa mereka di rumah dan dengan rakan-rakan di sekolah selama enam bulan. Analisis nota lapangan dan data temu bual menunjukkan bahawa kanak-kanak sedar akan perbezaan binaan kata, bunyi bahasa dan ejaan antara bahasa. Penggunaan strategi merentas bahasa termasuk amalan dwibahasa yang meliputi alih kod, terjemahan, dan pembinaan kosa kata dwibahasa. Satu kekuatan khusus buku dwibahasa ialah perancah yang disediakan bagi membantu kanak-kanak membaca dalam bahasa yang mereka belum kuasai. Peranan ibu bapa penting dalam memberi sokongan agar anak-anak dapat menggunakan Bahasa Ibunda dengan baik di samping Bahasa Inggeris dalam suasana yang mana kanak-kanak ini sudah mula tidak menggunakan bahasa Ibunda dengan aktif.*

*Kata kunci: Kedwibahasaan; dwiliterasi; buku dwibahasa; bahasa Melayu*

#### ABSTRACT

*In Singapore's education system, two languages exist in isolation: English is the language of instruction for all core subjects such as Mathematics and Science while the Mother Tongue is learned as a subject. In a society where English is the dominant language, this is not an approach that can best produce students who are comfortable and proficient in the Mother Tongue besides English. Indeed, more children in Singapore are growing up in homes where English is now the preferred language which threatens the viability of the Mother Tongue as an everyday language. In an effort to develop children's interest in Malay and their capacity to read in the language, the study reported in this paper examined the value of a strategy that involved preschool Malay children and their families doing shared reading in both Malay and English using dual language storybooks. Ten pre-schoolers participated in reading sessions with their parents at home and with their friends in school for six months. Analysis of field notes and interview data indicate that children were aware of the differences in the structure of words, sounds and spelling across languages. Parents used dual language strategies which included code switching, translation and bilingual vocabulary. A particular strength of bilingual books is the scaffolding they provide children with to read in a language they are weak in. Parents play an important role in helping their children learn to become additive bilinguals in a situation in which they were losing the active use their mother tongue.*

*Keywords: Bilingualism; biliteracy; dual language books; Malay language*

#### PENGENALAN

Berdasarkan konteks dasar dwibahasa rasmi Singapura dalam pendidikan serta pengetahuan tempatan tentang sekolah dan amalan literasi dalam keluarga Melayu, kajian ini telah mengenal pasti isu-isu yang menjejaskan pembangunan kemahiran

dwibahasa dan dwiliterasi di kalangan murid di sekolah-sekolah di Singapura. Pertama, bahasa Inggeris adalah bahasa utama yang digunakan sebagai bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran teras seperti Matematik dan Sains kecuali mata pelajaran Bahasa Ibunda. Kedua, waktu kurikulum yang diperuntukkan untuk pembelajaran bahasa Ibunda

di prasekolah berbeza-beza dan tidak melebihi 25%. Ia dikurangkan kepada 20% di sekolah rendah dan 15% di sekolah menengah. Ini menimbulkan persepsi bahawa bahasa Inggeris mempunyai status yang lebih tinggi daripada bahasa Ibunda, dan bahasa Inggerislah yang dapat menjanjikan kejayaan persekolahan. Kesan daripada fakta ini, yang diperhatikan sendiri oleh sesetengah keluarga, ialah kemerosotan penggunaan bahasa Ibunda dalam kalangan kanak-kanak yang lebih selesa berbahasa Inggeris. Ada yang tidak dapat (atau tidak mahu) bercakap dalam bahasa Ibunda walaupun dapat memahaminya, gejala yang disebut 'bilingualisme reseptif' (Grosjean 2010). Isu ketiga yang dikenal pasti ialah hakikat bahawa bahasa Inggeris dan Melayu diajar dalam bentuk monolingualisme berganda, iaitu, setiap bahasa dalam ruangnya sendiri tanpa peluang untuk pembelajaran bilingual (iaitu dua bahasa dipergunakan secara kombinasi) atau untuk pelajar membuat refleksi tentang hubungan antara kedua-dua bahasa.

Keutamaan yang diberikan kepada bahasa Inggeris dan penggunaan strategi monolingual dalam pengajaran telah menyumbang kepada peralihan kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa seharian dan sebagai tujuan utama pembelajaran literasi (Pakir 2000). Rekod Kementerian Pendidikan Singapura menunjukkan bahawa setiap tahun semakin ramai murid Melayu Darjah 1 datang daripada keluarga yang berbahasa Inggeris di rumah 13% pada tahun 1991, kepada 37% pada tahun 2010. Kanak-kanak Cina dan India mencatatkan peralihan yang lebih meruncing daripada ini. Satu lagi kajian ke atas murid Darjah 6 pada tahun 2010 menunjukkan gambaran yang lebih halus mengenai penggunaan bahasa. Bagi 50% murid bahasa Melayu, bahasa Melayu merupakan bahasa dominan di rumah sementara 17% menggunakan bahasa Inggeris. Yang lainnya (33%) menggunakan kedua-dua bahasa (Kementerian Pendidikan 2010).

Kajian literasi di rumah dalam kalangan kanak-kanak Melayu (Mukhlis 2007, 2016) menunjukkan bahawa ibu bapa percaya bahawa bahasa Inggeris adalah kunci bagi mencapai kejayaan dalam arus perdana masyarakat Singapura. Kemampuan bercakap dalam bahasa Inggeris dengan baik daripada awal adalah persediaan penting bagi anak-anak di sekolah. Sebaliknya, sesetengah daripada mereka mengabaikan bahasa Melayu di rumah kerana percaya anak-anak mereka boleh memperoleh bahasa itu di sekolah. Bagi keluarga yang bahasa Melayunya bahasa dominan di rumah,

bahasa Inggeris turut dituturkan tetapi sebagai bahasa kedua, terutama di kalangan kanak-kanak, dan selalunya berkaitan dengan kerja sekolah. Yang ketara dalam semua keluarga ini (tidak kira bahasa dominannya Inggeris atau Melayu) ialah kedominanan teks bahasa Inggeris di rumah berbanding dengan teks bahasa Melayu (seperti buku cerita, bahan audio-visual).

Dalam usaha mengembalikan minat dan keupayaan kanak-kanak Melayu bertutur dan membaca dalam bahasa Melayu, kajian yang dilaporkan ini menyelidiki nilai strategi yang melibatkan kanak-kanak prasekolah membaca bersama ibu bapa dan rakan sebaya dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan menggunakan buku cerita dwibahasa. Buku dwibahasa, dengan teks yang dicetak dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di halaman yang sama, menyediakan peluang untuk belajar membaca menggunakan dua bahasa atau pembelajaran bilingual.

#### PENGUNAAN DUA BAHASA DALAM PEMBELAJARAN

Kajian lampau telah mengenal pasti aspek-aspek tertentu dalam proses pembelajaran yang boleh dipertingkatkan dengan belajar secara bilingual: pemindahan konsep, terjemahan dan tafsiran, peningkatan pengetahuan tentang bagaimana bahasa bertindak, menghubungkan bahan baru dengan amalan seharian, dan membina identiti pelajar (Christian 1996; Tuafuti & McCaffery 2005; Williams et al. 1996). Ini berdasarkan idea bahawa kemahiran kognitif umum yang mendasari penggunaan bahasa beroperasi daripada fungsi pusat yang sama (Cummins 1991), juga bahawa keupayaan menangani teks bercetak boleh berpindah ke bahasa lain walaupun aksaranya berbeza (Cummins et al. 1984). Kerangka teori ini telah menjadi asas kepada beberapa pendekatan bilingual yang digunakan dengan jayanya dalam masyarakat yang kuat pengaruh bahasa Inggerisnya – penguasaan bahasa Ibunda dan prestasi akademik kanak-kanak dalam bahasa Inggeris dilaporkan meningkat (Christian 1996; Gardner 2000; Oller & Eilers 2002; Tuafuti & McCaffery 2005). Di Indonesia yang bahasa dominannya bahasa Indonesia, pembelajaran bilingual juga membantu meningkatkan kemampuan kanak-kanak untuk berbahasa Inggeris (Kasari 2014; Wardani et al. 2013). Persoalan yang ditangani dalam kajian ini ialah setakat mana, dan bagaimana,

pembelajaran bilingual dalam aktiviti literasi seperti membaca memberi kesan positif kepada kanak-kanak prasekolah di Singapura.

Pemindahan kemahiran literasi daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain boleh berjalan dua hala. Ini bermakna kanak-kanak yang bahasa dominannya bahasa sekolah (misalnya bahasa Inggeris) boleh menggunakan kemahiran bacaan yang diperolehi di sekolah untuk menjadi literat dalam bahasa di rumah (misalnya bahasa Melayu) (Cummins 2001). Adalah penting untuk menyelidiki adakah dan bagaimana kemahiran ini memberi kesan yang berbeza-beza kepada kanak-kanak prasekolah yang lebih baik bahasa Inggerisnya dan mereka yang lebih baik bahasa Melayunya. Selain itu, adakah pemindahan kemahiran ini berguna bagi kanak-kanak dalam kajian ini, yang tidak cuba untuk memahami bahasa yang baru tetapi dua bahasa yang mereka sudah tahu.

Pembelajaran bilingual juga menyediakan peluang untuk kanak-kanak memanfaatkan pemahaman budaya yang dibina dalam satu bahasa apabila menangani teks atau amalan dalam bahasa lain (Kenner et al. 2008; Sneddon 2008a). Dalam konteks kajian ini, apabila kanak-kanak sudah terbiasa dengan kedua-dua budaya, adakah, dan bagaimana, aktiviti bilingual memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menggunakan dan meluaskan lagi pengetahuan dwibudaya mereka.

Pembelajaran bilingual juga diketahui telah meningkatkan motivasi dan kebanggaan pelajar dalam pencapaian bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda (Sneddon 2008b) dan meningkatkan harga diri, jati diri dan keyakinan diri (Tuafuti & McCaffery 2005). Meraikan kemahiran bahasa dan literasi Ibunda kanak-kanak dengan warga sekolah yang lebih luas mampu memberi nilai tambah kepada harga diri murid sebagaimana yang dibuktikan Cummins dan Early (2011). Oleh kerana identiti seorang pelajar sentiasa berkembang melalui interaksi di dalam dan di luar bilik darjah, adalah penting untuk menyelidiki setakat mana dan bagaimana penglibatan kanak-kanak prasekolah dalam proses dwibahasa memberi kesan kepada pembinaan identiti pelajar.

## BUKU DWIBAHASA

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, buku dwibahasa membuka peluang untuk kanak-kanak belajar membaca menggunakan dua bahasa. Melihat dua bahasa hadir bersebelahan boleh mendorong

kanak-kanak untuk menghuraikan kepadanan dan perbezaan antara bahasa, sekali gus menambah pengetahuan mereka tentang kedua-dua bahasa.

Penyelidikan di Britain dan di negara-negara lain telah menunjukkan bahawa buku dwibahasa yang digunakan oleh guru yang berpengetahuan, dengan kerjasama ibu bapa, memainkan peranan penting dalam membangunkan kemahiran literasi akademik kanak-kanak dalam dua bahasa. Membaca buku dwibahasa telah meningkatkan kesedaran metalinguistik apabila kanak-kanak membandingkan bahasa daripada segi kata dan struktur ayat (Sneddon 2008a). Peluang untuk memindahkan kemahiran antara bahasa dan beralih kod, dengan kanak-kanak keluar masuk daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain, telah membolehkan mereka membanding dan membezakan konsep-konsep merentas bahasa (Escamilla & Hopewell 2010). Membaca buku dwibahasa juga mewujudkan ruang untuk mereka meneroka identiti peribadi (Cummins 2009; Ma 2008).

Antara kritikan terhadap buku dwibahasa ialah kemungkinan kanak-kanak akan membaca teks dalam bahasa yang mereka gemari dan mengabaikan bahasa yang lain (Freeman et al. 2011). Ini mungkin berlaku jika kanak-kanak dibiarkan membaca sendiri. Bagaimanapun, kajian ini berminat untuk mendapatkan contoh-contoh kanak-kanak membaca ketika orang tua ada bersama mereka, yang mempunyai pengaruh untuk membimbing mereka membaca dalam bahasa yang berbeza (misalnya, ibu bapa sebagai rakan kongsi membaca, atau pengkaji sebagai pemudah cara ketika kanak-kanak membaca bersama rakan sebaya).

## JENIS-JENIS BUKU DWIBAHASA

Tiga jenis buku dwibahasa (Inggeris-Ibunda) dapat dikenal pasti:

1. Cerita yang ditulis dalam bahasa Inggeris (oleh penulis Barat/asing berdasarkan cerita rakyat tradisional Barat) dengan terjemahan dalam bahasa Ibunda;
2. Cerita yang ditulis dalam bahasa Inggeris (oleh penulis tempatan dan diilhamkan dalam konteks tempatan) dengan terjemahan dalam bahasa Ibunda;
3. Cerita yang ditulis dalam bahasa Ibunda (oleh penulis yang berasal dari bahasa dan budaya tempatan) dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Buku cerita Jenis 1 mungkin sukar difahami kerana contoh yang diberikan tidak kontekstual atau mengandungi perkataan/konsep dalam bahasa Inggeris yang tidak biasa digunakan dalam bahasa Ibunda (misalnya, bahasa Melayu). Buku cerita Jenis 2 dapat mengurangkan beberapa masalah yang berkaitan dengan buku Jenis 1 memandangkan cerita-ceritanya menggambarkan konteks tempatan yang mungkin tidak asing bagi kanak-kanak tempatan. Buku Jenis 3 “ditulis daripada perspektif budaya rumah dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris... menjadikannya lebih relevan” kepada budaya si pembaca (Blackledge 2000: 86). Buku jenis inilah yang biasanya mencerminkan dengan lebih baik “identiti budaya dan warisan persuratan serta pengetahuan bahasa masyarakat kanak-kanak” (Sneddon 2008b: 140) serta membantu mereka membina asas yang kukuh dalam bahasa warisan mereka. Separuh daripada buku dwibahasa yang dibangunkan khas untuk kajian ini terdiri daripada cerita yang bertumpukan budaya Melayu.

Tambahan lagi, buku dwibahasa wujud dalam pelbagai format:

1. Terjemahan teks penuh – dua bahasa muncul di halaman yang sama;
2. Terjemahan satu bahasa – buku-buku diterbitkan sepenuhnya dalam satu bahasa, dengan terjemahan seluruhnya dalam bahasa lain dalam buku yang lain atau di belakang buku yang ada; dan
3. Teks yang berpautan – serpihan perkataan dalam bahasa sasaran muncul dalam seluruh cerita yang ditulis khususnya dalam bahasa dominan.

Bergantung pada tujuan buku digunakan, ada format yang mungkin lebih berguna daripada yang lain (Semingson et al. 2015). Kelebihan Format 1 ialah pembaca boleh membaca dalam satu bahasa tetapi menggunakan bahasa yang lain sebagai sumber apabila pembaca mula menghadapi masalah dalam memahami teks. Terjemahan teks penuh juga memberi ruang kepada pembelajaran bilingual, seperti apabila pembaca membezakan kedua-dua bahasa yang mereka baca. Dalam kajian ini, semua buku dwibahasa yang digunakan adalah terjemahan teks penuh dengan penggunaan pelbagai rupa atau warna tulisan untuk menarik perhatian kepada bahasa yang berbeza.

## METODOLOGI

### PARTISIPAN

Sepuluh orang kanak-kanak dwibahasa (bahasa Melayu dan Inggeris) dari empat buah tadika telah dipilih berdasarkan (a) kebolehan membaca dalam sekurang-kurangnya satu bahasa, dan (b) minat terhadap buku cerita. Mereka dipilih daripada kalangan kanak-kanak pada tahun akhir tadika (berumur 6 tahun). Sampel ini termasuk kanak-kanak dengan pelbagai tingkat pendedahan kepada bahasa Melayu, tahap kecekapan membaca yang berbeza dalam dua bahasa serta sosioekonomi keluarga yang berbeza. Bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar di tadika mereka kecuali dalam pelajaran bahasa Melayu. Pemilihan ini dapat dilakukan berdasarkan penelitian terhadap hasil borang selidik yang diisi oleh semua ibu bapa kanak-kanak daripada kohort yang sama dalam tadika yang terlibat. Borang selidik ini merisik latar belakang sosioekonomi keluarga kanak-kanak (misalnya, saiz keluarga, jenis kediaman, kelulusan akademik ibu bapa) serta amalan bahasa dan literasi (misalnya, penggunaan bahasa di rumah, bahasa yang paling digemari/lebih dikuasai, kecenderungan kanak-kanak membaca sendiri, teks dalam bahasa apa yang biasa dibaca).

### BAHAN BACAAN

11 buku dwibahasa digunakan sebagai bahan bacaan. Tujuh diterbitkan khas untuk kajian ini dengan lima daripadanya bermula sebagai cerita dalam bahasa Melayu sebelum diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Empat buku yang lainnya dibeli di pasaran. Kesemua buku ini direka bentuk mengikut Format 1, iaitu teks diterjemahkan sepenuhnya dan dua bahasa muncul di setiap halaman. Buku-buku ini diberi percuma kepada keluarga yang terlibat. Jadual 1 menyenaraikan buku-buku yang digunakan.

JADUAL 1. Tajuk buku cerita dwibahasa ikut jenisnya

Asal ditulis dalam bahasa Inggeris (penulis Barat)	Asal ditulis dalam bahasa Inggeris (penulis tempatan)	Asal ditulis dalam bahasa Melayu (penulis tempatan)
<i>The Little Red Hen and the Grains of Wheat</i>	<i>Adil's Dining Table</i> <i>My Grandpa, My Atuk</i> <i>A Picture for Por Por</i> <i>Makan Time!</i>	Budi Beruang yang Rajin BAM!! Berapa Hari Lagi Hari Raya? Cef Cilik Bangau Oh Bangau Baju Melayu Ati

#### PENGUMPULAN DATA

Metodologi kajian ini pada asasnya bersifat kualitatif dan separa etnografi, dan berkembang daripada kajian etnografi yang lebih awal yang dijalankan pengkaji (Mukhlis 2007, 2016). Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk mengkaji strategi yang digunakan sendiri oleh kanak-kanak dan ibu bapa, tiada panduan khusus diberikan tentang cara menggunakan buku dwibahasa. Sebaliknya, ibu bapa diminta untuk memerhatikan bahasa yang dipilih oleh anak mereka setiap kali anak itu membaca buku tersebut sama ada ketika membaca sendirian atau dengan ibu atau bapa. Selain itu, mereka diminta memerhatikan perkara-perkara berikut: adakah anak mereka memerlukan banyak galakan untuk membaca dalam bahasa yang kurang digemari; adakah dia cuba untuk membaca sendiri dahulu sebelum dibantu oleh ibu atau bapa; adakah dia membuat rujukan merentas bahasa dan ilustrasi apabila membaca dalam bahasa yang kurang digemari; dan adakah semua ini berubah sepanjang projek ini. Daripada 10 keluarga dalam kajian ini, hanya seorang bapa bertindak sebagai orang dewasa yang membaca dengan anak. Dalam tujuh keluarga yang lain, para ibu yang aktif membaca bersama anak.

Lima sesi pemerhatian yang melibatkan ibu bapa dan anak di rumah telah dijalankan sepanjang enam bulan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang cara bagaimana interaksi bersama orang dewasa mengembangkan kemahiran membaca kanak-kanak (Kenner 2004). Untuk pemerhatian ini yang berlangsung di ruang tamu, ibu bapa diminta menjalankan aktiviti membaca sebagaimana yang mereka lakukan apabila tidak diperhatikan. Sebagai pemerhati yang turut serta (*participant observer*), pengkaji duduk di kerusi yang bertentangan sambil mencatatkan apa yang diperhatikan. Pengkaji terlibat dalam interaksi membaca hanya apabila

diajak berbual oleh ibu kanak-kanak bermula dengan pertanyaan atau komen yang ditujukan kepada pengkaji. Pelibatan pengkaji terbatas kepada menjawab soalan ibu, memberi pujian kepada kanak-kanak dan menghuraikan kesulitan yang ada jika perlu dalam cara yang agak mesra. Temu bual dengan ibu bapa dan kanak-kanak secara tidak formal (Walcott 1994) diadakan sebelum bermula dan selepas selesai siri pemerhatian dan pada akhir setiap sesi pemerhatian. Semua sesi pemerhatian dirakamkan secara audio dan video digital dan dicatatkan dalam nota lapangan.

Dua sesi pemerhatian membaca bersama rakan sebaya di sekolah turut diadakan dengan tujuan untuk mengkaji setakat mana cara kanak-kanak menggunakan buku dwibahasa bersama rakan-rakan berbeza dengan cara mereka menggunakannya bersama ibu bapa (Lee 2014). Pengkaji menjadi pemerhati yang turut serta. Beliau memulakan sesi dengan bertanya siapa mahu mula membaca, buku yang mana dan bahasa apa. Biasanya, ini cukup untuk menggalak kanak-kanak ini membaca bersama dengan lantang atau mengambil giliran membaca sementara yang lain memerhatikan. Agar bahasa yang kurang digemari turut dibaca, pengkaji akan bertanya jika mereka ingin cuba membaca dalam bahasa tersebut bersama-sama atau secara bergilir, dan membantu rakan yang sukar membaca. Untuk menggalak pengulangan cerita, pengkaji akan bertanya jika mereka boleh menceritakan, dalam apa jua bahasa, buku yang dibaca, apa yang diperkatakan/dilakukan oleh watak tertentu, apa yang mereka rasakan tentang satu-satu peristiwa, dan bagaimana mereka tahu tentang makna perkataan tertentu dalam bahasa yang lain. Peristiwa literasi ini juga dirakam dan dicatatkan.

## ANALISIS

Sesi bacaan dan temu bual ditranskripsikan, ujaran-ujaran dikodkan dan contoh-contoh dipilih untuk dimasukkan dalam kajian di bawah kategori-kategori berikut mengikut cara Kenner et al. (2008):

*Strategi*: Bagaimana kanak-kanak dan orang dewasa menggunakan strategi daripada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris untuk mengendalikan kegiatan membaca;

*Terjemahan*: Bagaimana kanak-kanak menangani cabaran penterjemahan, terutama apabila kata-kata dan ungkapan tidak mempunyai makna yang sama dalam setiap bahasa;

*Kemahiran metalinguistik*: Bagaimana kanak-kanak mengulas mengenai perbezaan dalam struktur bahasa;

*Pemahaman budaya*: Bagaimana kanak-kanak memanfaatkan pengalaman budaya yang dikongsi bersama dan cuba memahami aspek-aspek budaya yang lain daripada yang biasa;

*Identiti*: Bagaimana kanak-kanak melihat diri mereka sebagai pelajar dwibahasa, dan bagaimana kanak-kanak berhubungan dengan rakan-rakan, ibu bapa, dan antara satu sama lain ketika mengendalikan kegiatan membaca.

## DAPATAN

### STRATEGI MEMBACA DALAM DUA BAHASA

Strategi yang digunakan sangat berbeza-beza. Kanak-kanak membaca buku dengan pelbagai cara: ada yang memilih untuk membaca keseluruhan cerita dalam satu bahasa dahulu sebelum membaca dalam bahasa yang lain, ada yang membaca teks dalam kedua-dua bahasa di halaman yang sama sebelum beranjak ke halaman seterusnya. Pembaca yang lebih baik menggunakan konteks naratif, mengaitkan cerita dengan pengalaman peribadi, menggunakan petunjuk (*clues*) daripada ilustrasi, dan menyemak teks untuk terjemahan. Ada kanak-kanak yang menggunakan kaedah mengecam logograf (*logographic recognition*), mengadun fonem (*phoneme blending*), dan analisis sub-leksikal terutama dalam kalangan mereka

yang tidak dapat meneka dengan cepat perkataan-perkataan yang mereka tidak biasa dengar. Ada yang bergantung pada bantuan ibu yang membaca dengan lantang perkataan-perkataan yang sukar itu dan menunjukkan padanannya dalam bahasa Inggeris yang tersedia dalam buku.

Strategi menggunakan analisis sub-leksikal (berdasarkan suku kata) sebagai strategi penyahkodan teks sesuai untuk bahasa Melayu memandangkan ketelusan ortografi Melayu. Sebaliknya untuk bahasa Inggeris, pengecaman seluruh perkataan lebih sesuai. Oleh yang demikian, kekeliruan boleh timbul jika kanak-kanak salah memindahkan strategi menganalisis sub-leksikal untuk membaca dalam bahasa Inggeris. Kehadiran ibu bapa, dalam konteks ini penting dalam membantu membina kesedaran tentang cara yang berbeza untuk menyahkodkan bahasa yang berbeza.

Ibu bapa berbeza daripada segi sumbangan membaca dan strategi bagi menyokong anak-anak: daripada hanya mendengar anak-anak menyahkodkan teks, kepada mengajak anak-anak mengupas makna cerita, bertanya dan menjawab soalan, membincangkan ciri-ciri cerita, menggunakan aksi, drama, beruang mainan, dan mengaitkan cerita dengan pengalaman anak-anak mereka. Ramai di antara mereka yang menggunakan ‘amalan dwibahasa’ seperti terjemahan, pinjaman dan alih-kod, iaitu menggunakan bahasa Inggeris di samping bahasa Melayu untuk membantu anak-anak memahami teks bahasa Melayu dan meluaskan kosa kata mereka dalam bahasa tersebut.

Petikan 1 memberi contoh bagaimana seorang ibu, Puan Maryani, membantu anaknya, Faiz, memahami sepotong ayat dalam bahasa Melayu dengan mengamalkan dwibahasa, dalam konteks ini berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk memahami teks dalam bahasa Melayu. Puan Maryani dan suaminya berpendidikan tinggi. Dalam keluarga mereka, bahasa Inggeris yang biasa digunakan, baik antara mereka berdua, atau bersama anak-anak. Terdapat banyak buku cerita bahasa Inggeris di rumah berbanding dengan buku-buku Melayu, oleh itu Faiz lebih terbiasa membaca buku cerita dalam bahasa Inggeris.

Dalam petikan ini, Faiz dan Puan Maryani sedang membaca buku cerita, ‘*My Grandpa, My Atuk*’ (Lim 2013), dalam bahasa Melayu. Petikan bermula dengan Puan Maryani meminta Faiz memberikan makna sepotong ayat yang panjang (baris 1). Apabila mendapati anaknya tidak dapat menjawab, beliau memenggalnya kepada unit

yang lebih kecil – kata dan kemudian akar kata ('menceritakan' (baris 2) → 'cerita' (baris 2)). Beberapa petunjuk (*clue*) diberikan termasuk meletakkan 'cerita' dalam frasa 'buku cerita' (baris 5), dan menggunakan kata kerja yang berkolokasi dengan 'cerita', iaitu 'tells' (baris 7), kesemuanya agar Faiz sendiri dapat menemukan padanan dalam bahasa Inggeris untuk 'cerita'. Setelah Faiz berjaya menyebut 'stories', Puan Maryani meletakkan perkataan itu dalam frasa 'funny stories', ungkapan

yang Faiz faham, bersama terjemahannya dalam bahasa Melayu, iaitu 'kisah-kisah lucu'. Dengan itu, dalam satu sesi membaca ini (Petikan 1 hanya satu bahagian), Faiz diperkenalkan kepada perkataan baru dalam bahasa Melayu: 'cerita', 'menceritakan', 'kisah-kisah' (dan juga 'lucu' yang ditangani sejurus sebelum petikan ini bermula). Makna perkataan-perkataan ini diperoleh dengan memanfaatkan sumber bahasa Inggeris Faiz.

PETIKAN 1. Amalan dwibahasa dalam aktiviti membaca

1. Puan Maryani:	<i>So what does it mean, 'Atuk menceritakan saya kisah-kisah lucu'? What does it mean? [Apakah maknanya?]</i>
2. Faiz:	(Diam)
3. Puan Maryani:	'Menceritakan', <i>what is it?</i> (jeda) <i>What is 'cerita'?</i>
4. Faiz:	'Cerita'?
5. Puan Maryani:	<i>What is 'cerita'? 'Buku cerita'. What is that? What is 'buku cerita'? You know what is 'buku cerita'?</i>
6. Faiz:	<i>Stories?</i>
7. Puan Maryani:	<i>Hmm...story books. So, 'menceritakan'? Tells?</i>
8. Faiz:	<i>Stories.</i>
9. Puan Maryani:	<i>Hmm. 'Kisah-kisah lucu'. Funny stories.</i> [Makna perkataan 'lucu' telah ditangani oleh Faiz dan Puan Maryani sejurus sebelum petikan ini bermula.]
10. Faiz:	(ketawa geli hati)

PEMAHAMAN METALINGUISTIK

Kanak-kanak dalam kajian ini rata-rata sedar akan perbezaan antara bahasa – daripada struktur yang mudah kepada struktur yang kompleks, dan bagaimana bahasa-bahasa itu sama dan berbeza. Sebagai contoh, mereka dapat menyebut kata-kata onomatopia seperti 'bam' dengan cara yang berbeza apabila membaca dalam bahasa Inggeris ([bæm]) dan bahasa Melayu ([bam]). Dalam petikan yang berikutnya, Faiz menunjukkan kesedaran bahasa yang kompleks, yang mungkin terbit daripada pengetahuan pasif bahasa Melayunya yang terkumpul sejak beliau kecil.

Dalam buku 'My Grandpa, My Atuk', ayat bahasa Inggeris 'Grandpa has a big laugh' diterjemahkan di dalam buku sebagai 'Atuk boleh ketawa besar'. Walaupun ini mungkin kedengaran

tidak gramatis kalau dialih bahasakan semula ke dalam bahasa Inggeris ('Grandpa can laugh big'), ia adalah terjemahan yang lebih sesuai dalam bahasa Melayu daripada 'Atuk mempunyai ketawa besar'. Perhatikan bahawa frasa nama 'a big laugh' diterjemahkan menjadi frasa kerja '(boleh) ketawa besar' ('(can) laugh loudly'). Apabila Faiz ditanya oleh ibunya "'ketawa besar' tu apa?" (baris 8), dia tidak memberikan padanannya dalam bahasa Inggeris yang tersedia dalam buku ('a big laugh') tetapi menterjemahkan sendiri frasa itu ('Laugh loud(ly)') dengan 'laugh' sebagai kata kerja. Dia juga tidak menterjemahkan 'besar' secara literal ('big') tetapi memilih kata bahasa Inggeris yang lebih tepat maknanya, iaitu 'loud'. Ini menunjukkan bahawa Faiz faham bahawa 'ketawa besar' adalah frasa kerja dalam bahasa Melayu.

## PETIKAN 2. Memahami nuansa sintaksis-semantik bahasa yang berbeza.

- 
- |                  |   |
|------------------|---|
| 1. Faiz:         | “I... call my Grandpa, Atuk. Grandpa... has a big” (jeda)   |
| 2. Puan Maryani: | “laugh.”  |
| 3. Faiz:         | “laugh. Ha! Ha! Ha!” “Saya... pe...”                        |
| 4. Puan Maryani: | “pang-“   |
| 5. Faiz:         | “pang-“   |
| 6. Puan Maryani: | “gil.”  |
| 7. Faiz:         | “gil datuk saya Atuk. Atuk boleh ketawa besar. Ha! Ha! Ha!” |
| 8. Puan Maryani: | ‘Ketawa besar’ tu apa?                                      |
| 9. Faiz:         | <i>Laugh loud.</i>  |
- 

Secara umumnya, Faiz masih bergelut dengan tugas terjemahan dan masih memerlukan bantuan untuk menyahkodkan teks bahasa Melayu (baris 1, 3 & 5). Walau bagaimanapun, dia dapat menunjukkan pemahaman struktur teks dwibahasa yang kompleks dalam petikan ini. Faiz, seperti kanak-kanak lain dalam kajian ini, walaupun terdidik melalui bahasa Inggeris terdedah juga kepada bahasa Melayu melalui anggota keluarga besar seperti datuk, nenek, ibu dan bapa saudara, dan sepupu, yang sesetengahnya mungkin bercakap sesama mereka dalam bahasa Melayu dan didengar oleh Faiz. Pendedahan secara pasif kepada sesuatu bahasa (memahami tetapi tidak bercakap menggunakan bahasa itu) membentuk pengetahuan dan kemahiran bahasa reseptif. Di luar projek ini, Faiz tidak mempunyai banyak peluang untuk menjadikan kemahiran bahasa reseptifnya ‘produktif’ (Grosjean 2010) kerana di rumah, bahasa Melayu bukan bahasa komunikasi, juga bukan bahasa literasi.

Sesetengah kanak-kanak berasa hairan dengan perbezaan antara bahasa dan implikasi terhadap terjemahan, atau mereka dapat mengesan beberapa perbezaan tetapi tidak kesemuanya. Sebagai contoh, Faiz sebelum ini pernah diperhatikan menggunakan sistem ortografi bahasa Inggeris untuk menyebut huruf dalam bahasa Melayu, misalnya, huruf ‘c’ disebut [k] seperti dalam bahasa Inggeris, dan bukan [tʃ]. Kekeliruan ini menyebabkannya menyebut ‘menceritakan’ sebagai [mənʃkərɪtəkan] dan ‘lucu’

sebagai [luku]. Walau bagaimanapun, kekeliruan sering bertukar menjadi pengalaman pembelajaran yang berharga apabila ibu Faiz sendiri memerhatikan dan membantunya membetulkan kesilapannya.

Kekeliruan boleh juga berlaku di peringkat frasa, khususnya perbezaan dalam susunan perkataan (*chocolate biscuits* ≠ coklat biskut; *blue lake* ≠ biru tasik). Walau bagaimanapun, seperti dalam kes sebelumnya, ibu bapa berperanan menghuraikan kekeliruan ini. Dalam Petikan 3, seorang lagi kanak-kanak, Mirza, dan ibunya, Puan Sarimah, seorang suri rumah lulusan politeknik, sedang membaca buku ‘Budi Beruang yang Rajin’ (Musfirah Mohd & Muhd ‘Ammar 2013) bersama-sama. Seperti kanak-kanak lain, Mirza lebih terbiasa dengan literasi bahasa Inggeris. Di sini, dia menterjemahkan dengan betul ‘jar’ (‘balang’) dalam “*a jar of chocolate cookies*” (“balang biskut coklat”) (baris 3), yang diperakui oleh ibunya (baris 4). Dalam giliran yang sama, Puan Sarimah meminta makna ‘*cookies*’ daripada Mirza tetapi dia menawarkan terjemahan yang salah, ‘coklat’ (baris 5), menunjukkan dia bergantung pada susunan kata bahasa Inggeris untuk mengenal pasti perkataan Melayu yang setara. Walau bagaimanapun, pembetulan ibunya (baris 6) memberi kesedaran kepada Mirza bahawa susunan kata bahasa Inggeris dan Melayu berbeza. Ini terbukti apabila dia menyebut dengan lantang “Terbalik!” (baris 7).



## PETIKAN 3. Kesedaran bahasa tentang susunan kata.

- 
- |                  |  |
|------------------|--|
| 1. Mirza:        | “ <i>A jar of chocolate cookies.</i> ” [“Balang biskut coklat.”] |
| 2. Puan Sarimah: | Nanti, nanti, nanti. ‘Jar’ cakap Melayu apa?                     |
| 3. Mirza:        | Umm...umm...umm... Balang?                                       |
| 4. Puan Sarimah: | Balang. <i>Cookies</i> ?   |
| 5. Mirza:        | Umm...Coklat!  |
| 6. Puan Sarimah: | Biskut...  |
| 7. Mirza:        | Terbalik!  |
- 

## PEMAHAMAN MAKNA

Terdapat banyak variasi daripada segi penglibatan kanak-kanak dalam memahami teks ketika membaca. Antara strategi yang digunakan termasuk penggunaan alih kod, percubaan untuk menterjemah, merujuk kepada kedua-dua bahasa apabila membaca, menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu basahan, dana pengetahuan, dan pengetahuan reseptif bahasa Melayu untuk memahami perkataan Melayu. Petikan 4 menunjukkan Iman, anak sulung sepasang suami isteri yang bukan siswazah,

menggunakan pengetahuan pasif bahasa Melayu untuk mengkritik terjemahan bahasa Melayu dalam buku ‘*Makan Time!*’ (Sharon Ismail 2013). Dia tidak bersetuju dengan terjemahan yang diberikan dalam buku untuk ‘panas’, iaitu ‘*warm*’ (baris 1 & 5). Baginya, ‘panas’ adalah terjemahan bagi ‘*hot*’. Dia kemudian menawarkan terjemahannya sendiri, iaitu ‘hangat’ untuk ‘*warm*’ (baris 9), suatu cetusan bahasa yang amat menggembirakan ibunya, Puan Istilah, yang tidak sangka anaknya mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang lebih baik daripada yang beliau maklum.

## PETIKAN 4. Mengkritik terjemahan.

- 
- |                   |   |
|-------------------|---|
| 1. Iman:          | Ini ‘panas’, kenapa ini ‘ <i>warm</i> ’? Tak sama.  |
| 2. Puan Istilah:  | Eh, ‘panas’ Melayu kan?   |
| 3. Iman:          | ‘ <i>Warm</i> ’ pun?...?  |
| 4. Puan Istilah:  | Ah, ‘ <i>warm</i> ’ bahasa...?  |
| 5. Iman:          | Tapi ‘ <i>warm</i> ’ ‘ <i>warm</i> ’, lepas tu ‘panas’ ‘panas’! (rasa kecewa bercampur marah) |
| 6. Pengkaji:      | ‘Panas’ <i>in English</i> apa eh?   |
| 7. Iman:          | Ah? ‘ <i>Hot</i> ’ lah.   |
| 8. Puan Istilah:  | ‘ <i>Cold</i> ’?  |
| 9. Iman:          | ‘ <i>Cold</i> ’ ‘sejuk’.  |
| 10. Puan Istilah: | Ahhh. Habis kalau ‘ <i>warm</i> ’ in Melayu apa agaknya?                                      |
| 11. Iman:         | ‘Hangat’! ‘Hangat’! ‘Hangat’!   |
- 

Seperti kanak-kanak lain dalam kajian ini, Iman menggunakan pengetahuan bahasa Melayu yang dia ada untuk memahami teks dwibahasa. Pengetahuan pasif Iman sebelum ini tersembunyi daripada ibunya kerana bahasa Inggeris adalah bahasa yang lebih biasa dituturkan di antara kedua-dua ibu dan anak.

Keupayaan menjelaskan terjemahan dapat disaksikan juga dalam Petikan 5. Dalam petikan ini, Faiz berinteraksi dengan rakan-rakan sebayanya di sekolah, yang turut disertai seorang pembantu kajian (RA). Mereka membaca buku yang sama yang dibaca oleh Faiz bersama ibunya di rumah sebelum ini, iaitu ‘*My Grandpa, My Atuk*’. Dalam petikan ini,

pengkaji meminta kanak-kanak ini menterjemahkan semula perkataan ‘alamak’ ke dalam bahasa Inggeris. Kali ini, Faiz dan rakannya, Nabilah, terus merujuk kepada terjemahan kata itu dalam bahasa Inggeris yang disediakan dalam buku, iaitu ‘*crash*’ (baris 2). Namun, apabila pengkaji menyangsikan terjemahan itu, rakan Faiz yang satu lagi, Sufian, teringat

akan makna ‘alamak’ (yang mungkin tercetus oleh pengetahuan pasifnya) dan menjelaskan bahawa ia lebih merupai ‘*Oh, my god*’ (‘Oh, ya tuhan’) dalam bahasa Inggeris (baris 4). Kemudian beliau berjaya memberikan terjemahannya sendiri untuk ‘*crash*’, iaitu ‘terlanggar’ (baris 6).

PETIKAN 5. Mengkontras terjemahan.

1. Pengkaji:	<i>What is ‘Alamak!’ in English?</i>	[Apakah ‘alamak’ dalam bahasa Melayu?]
2. Faiz & Nabilah:	<i>Crash!</i>	[ <i>Crash!</i> ]
3. Pengkaji:	<i>Is it ‘crash’?</i>	[‘ <i>Crash</i> ’ kah?]
4. Sufian:	<i>No! It’s...It’s like... ‘Oh my god!’</i>	[Bukan! Ia...Ia seperti ‘Ya tuhan!’]
5. Pengkaji:	<i>Ah...then what is ‘crash’ in Malay?</i>	[Ah...jadi apakah ‘ <i>crash</i> ’ dalam bahasa Melayu?]
6. Sufian:	<i>‘Crash’ is terlanggar.</i>	[‘ <i>Crash</i> ’ ialah terlanggar.]

PERKEMBANGAN IDENTITI PERIBADI DAN IDENTITI PELAJAR KANAK-KANAK

Data kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak ini seronok membaca dengan rakan-rakan sebaya di sekolah, berkolaborasi dan bantu-membantu terutama dengan rakan-rakan pembaca yang lemah. Pemerhatian dan data temu bual dengan ibu bapa, guru-guru dan kanak-kanak menunjukkan bahawa empat daripada kanak-kanak ini mendapat manfaat paling besar daripada projek ini, daripada segi kecekapan yang meningkat dalam percakapan dan/atau dalam membaca dalam bahasa Melayu. Dua kanak-kanak lain sudah boleh bercakap dan membaca dalam kedua-dua bahasa sebelum projek ini bermula, oleh itu mereka tidak meraih banyak manfaat daripada buku dwibahasa yang dikonsepsikan sebagai perancah untuk membantu kanak-kanak mengakses bahasa yang lemah. Bagi kanak-kanak ini, buku-buku dwibahasa dinikmati kerana ceritanya. Empat kanak-kanak yang lainnya juga tidak menerima banyak manfaat daripada projek ini tetapi atas sebab-sebab lain seperti kurang penglibatan ibu bapa, pemahaman yang berlainan tentang apa yang dikira sebagai membaca, atau strategi ibu bapa yang tidak berkesan; kesemua ini mengurangkan nilai apa jua program yang bertujuan untuk menggalak ibu bapa membaca dengan anak-anak, sama ada membaca buku dwibahasa atau ekabahasa.

Dalam kalangan kanak-kanak yang telah meraih banyak manfaat daripada projek ini ialah Faiz dan

Iman. Sewaktu sesi temu bual di akhir projek, Faiz kelihatan lebih yakin untuk bercakap dalam bahasa Melayu, walaupun bercampur bahasa Inggeris, baik dalam perbualan atau ketika menjawab pertanyaan. Pada awal projek ini, dia hanya selesa bertutur dalam bahasa Inggeris. Puan Maryani turut memerhatikan perubahan dalam diri anaknya dan merasakan bahawa buku dwibahasa adalah antara sebabnya. Beliau tidak menidakkan kesan daripada kelas bahasa Melayu di sekolah rendah yang Faiz sertai sejak dua bulan sebelum sesi temu bual itu, yang telah memberinya banyak peluang untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding di tadika.

Daripada segi membaca, Faiz masih memerlukan galakan untuk membaca buku cerita yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Namun, jika topiknya dia minati, atau ia lanjutan daripada cerita yang dia sudah tahu seperti tentang para nabi, dia akan membacanya dalam bahasa Melayu tanpa disuruh. Minatnya terhadap buku dwibahasa didapati berkembang. Puan Maryani melaporkan bahawa mereka telah menambah koleksi buku dwibahasa dengan membeli dan meminjam dari perpustakaan. Peminjaman dari perpustakaan adalah inisiatif Faiz sendiri. Dia kini gemar membaca buku cerita yang mengandungi dua bahasa walaupun untuk membaca dalam bahasa Inggeris kerana dapat turut membaca terjemahan dalam bahasa Melayu. Dia tidak lagi keliru dengan cara sebutan huruf yang berlainan antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan maklum akan perbezaan ejaan kata pinjaman (*barley*, barli). Apabila membaca buku

‘Cef Cilik’ buat pertama kali di sesi akhir itu, dia dapat menyebut perkataan ‘cendawan’ dengan betul. Dia menyatakan Bahasa Melayu kini mata pelajaran kegemarannya kerana ‘*everything is so easy*’ (‘semuanya senang sekali’). Bagi Puan Maryani, beliau masih menggunakan amalan dwibahasa untuk mengajar anaknya membaca.

Seperti Faiz, di awal projek, Iman lebih mahir dalam bahasa Inggeris. Kesan buku dwibahasa kepada Iman adalah daripada segi bahasa lisan. Berbeza dengan Faiz, peningkatan keupayaan Iman dalam bahasa Melayu lebih ketara dan kini dia cekap bertukar bahasa untuk menyesuaikan dirinya dengan sesiapa yang bercakap dengannya. Puan Istilah melaporkan bahawa Iman kini menunjukkan kecenderungan untuk mengetahui makna perkataan Melayu dan kerap bertanya kepada ibunya apabila dia berhadapan dengan perkataan baru ketika menonton television, mendengar radio atau sesekali mendengar ibunya bercakap dengan anggota keluarga besarnya. Ini terbukti di sesi temu bual di akhir projek di mana ketika Puan Istilah sedang memperkatakan sesuatu dan menyebut perkataan ‘melecur’, Ilhan dengan cepat bertanyakan maksudnya.

Iman kini dapat membaca dalam bahasa Melayu dengan baik tanpa banyak bantuan daripada ibunya. Kelancarannya membaca mungkin berpunca daripada pengetahuan pasifnya yang lebih banyak daripada Faiz. Projek ini telah mempermudah Iman untuk menukarkan kemahiran bahasa reseptifnya itu menjadi ‘produktif’. Walau bagaimanapun, Iman tidak lagi seminat Faiz dalam membaca buku cerita. Malah, berbeza dengan Faiz, yang minatnya terhadap bahasa Melayu perlahan-lahan meningkat, minat Iman terhadap bahasa Melayu yang mulanya naik kini kembali kendur sejak menyertai sekolah rendah dua bulan sebelumnya. Nampaknya, pengalaman di sekolah memberi kesan yang berbeza-beza kepada kanak-kanak dalam pembentukan sikap terhadap bahasa Ibunda. Namun pada keseluruhannya, perubahan yang dilalui Iman sepanjang projek ini adalah suatu yang positif. Kagum dengan keupayaan anaknya dalam bahasa Melayu, Puan Istilah bertekad untuk lebih menggunakan bahasa Melayu di rumah. Walau bagaimanapun, kesibukan di tempat kerja telah menghambat beliau daripada memberi lebih banyak masa untuk membaca dengan anaknya dan tumpuan kepada perkembangan bahasa Melayunya.

## PERBINCANGAN DAN SARANAN

Strategi mengajar dalam kalangan ibu bapa yang menggabungkan amalan dwibahasa seperti alih kod dan terjemahan terbukti berkesan dalam mempengaruhi penggunaan bahasa yang kurang digemari. Mewujudkan suasana yang mana penggunaan dua bahasa dianggap biasa mendorong kanak-kanak untuk menggunakan sumber bahasa dominan mereka untuk memahami makna teks dan mencari padanan kata dalam bahasa yang satu lagi. Cara begini membantu membina kesedaran tentang perbezaan bahasa seperti susunan kata dalam frasa dan padanan huruf dan bunyi, selain membina perbendaharaan kata, sekali gus membina keyakinan untuk bertutur dan membaca dalam bahasa yang tidak lagi dirasakan aneh. Strategi ini berguna terutama bagi kanak-kanak yang bahasa dominannya bahasa Inggeris dan kurang berkeyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu. Namun, penting bagi ibu bapa untuk meluangkan masa membaca bersama anak-anak kerana buku dwibahasa tidak akan memberi kesan yang diinginkan jika anak itu dibiarkan membaca sendirian. Seperti kata Puan Maryani, “*these books will need someone to sit down beside them to fully utilise the usefulness of the books* [buku-buku ini memerlukan seseorang untuk duduk di sisi mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya kegunaannya].”

Kajian ini telah menunjukkan bagaimana pembelajaran bilingual yang terbit daripada penggunaan buku dwibahasa dapat memberi kesan positif kepada kanak-kanak dengan usaha ibu bapa. Sukar untuk dipastikan jika manfaat yang diraih akan berkembang atau kekal lewat projek ini. Banyak faktor yang mempengaruhinya, khususnya kedominanan bahasa Inggeris di sekolah dan dalam kehidupan masyarakat umum. Kejayaan dalam penggunaan buku dwibahasa yang dilaporkan oleh pengkaji lain (Cummins 2009; Ma 2008; Sneddon 2008a) melibatkan guru bekerjasama dengan ibu bapa. Oleh itu, dapat dibayangkan manfaat yang dapat diraih jika ibu bapa dalam projek ini disokong oleh para guru dengan mengamalkan juga pembelajaran bilingual melalui penggunaan buku dwibahasa di sekolah setidak-tidaknya untuk masa-masa tertentu dalam kurikulum. Sayangnya, pembelajaran bilingual bukan suatu kaedah yang diamalkan di sekolah di Singapura, yang berpegang pada pedagogi monolingual. Berbeza dengan sekolah yang dikaji pengkaji lain itu yang tiada peruntukan khusus dalam kurikulum untuk

pembelajaran bahasa Ibunda, sekolah-sekolah di Singapura memperuntukkan masa untuk pelajaran tersebut. Namun demikian, pendekatan ini telah menghasilkan suatu ironi, iaitu para pelajar lulus mata pelajaran Bahasa Ibunda tetapi gagal berkomunikasi dengan baik dalam bahasa tersebut, kebanyakannya melucutkan sama sekali bahasa itu dalam komunikasi seharian setelah tamat sekolah, dan yang lebih membimbangkan sikap sesetengah pelajar yang memandangnya remeh.

Walaupun sistem pendidikan Singapura tidak mungkin akan berganjak daripada pendekatan yang menekankan penggunaan satu bahasa dalam pelajaran (pendekatan monolingual), masih ada peluang untuk menimbangkan beberapa dapatan daripada kajian ini agar pelajar meraih lebih banyak manfaat daripada sistem yang ada (Vaish & Aidil 2015). Salah satunya ialah dengan mewujudkan ruang untuk guru-guru bahasa Melayu dan Inggeris berdialog. Ini adalah kerana strategi pengajaran mereka berbeza, begitu juga sumber pengajaran mereka. Ini bermakna kanak-kanak perlu mensintesis sendiri kaedah pengajaran yang berbeza. Walaupun ada kanak-kanak yang mahir memindahkan strategi daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain (misalnya, pengecaman logograf, penggunaan ilustrasi), yang lain mungkin mengalami kesukaran. Proses menjadi dwiliterat akan dipermudahkan jika tujuan-tujuan strategi yang berbeza dapat dijelaskan dan persetujuan berkenaan strategi yang berkesan dapat dicapai.

Sesi membaca bersama rakan-rakan sebaya menggalak pembaca yang lemah untuk membaca. Ini suatu strategi yang boleh dijadikan fokus kerjasama antara guru bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan merujuk secara kasual kemahiran kanak-kanak dalam bahasa Melayu di dalam kelas bahasa Inggeris, ia akan meningkatkan status bahasa Ibunda dan mengukuhkan pembelajaran dalam apa yang umumnya merupakan bahasa yang lemah dalam kalangan kanak-kanak. Data dalam video kajian boleh digunakan dalam perbincangan dengan guru-guru dan pemimpin kurikulum dengan tujuan untuk membangunkan sebuah program membaca bersama rakan sebaya di dalam kelas menggunakan buku dwibahasa.

Satu kekuatan buku dwibahasa ialah ia menyokong pembinaan tabiat membaca bagi kanak-kanak yang lemah dalam satu-satu bahasa. Walaupun bahasa yang lemah tidak semestinya bahasa Melayu, namun memandangkan pendedahan kepada Bahasa Melayu di sekolah amat sedikit

berbanding Bahasa Inggeris, pengajaran Bahasa Melayu boleh diberi keutamaan dan buku-buku diperkenalkan pada mulanya sebagai alat bantu mengajar bagi menyokong pembacaan dalam bahasa Melayu.

Akhir sekali, hasil kajian ini boleh dijadikan sandaran untuk mengembangkan kepelbagaian jenis buku yang ada. Memandangkan dua bahasa yang dituturkan kanak-kanak tidak seimbang, dan tingkat keupayaan membaca pelbagai, teks berkualiti perlu disediakan daripada tahap pendidikan awal ke peringkat sekolah rendah. Salah satu strategi adalah dengan memastikan lebih banyak buku-buku bergambar yang dihasilkan untuk kanak-kanak di Singapura diterbitkan dalam format buku dwibahasa. Penterjemahan sastera kanak-kanak popular daripada bahasa Inggeris harus mengutamakan teks-teks yang mencerminkan budaya yang relevan kepada kanak-kanak ini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Pejabat Penyelidikan Pendidikan, Institut Pendidikan Nasional, Singapura (OER 45/12 MM). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga yang telah mengambil bahagian yang sudi menerima penulis dan kumpulan penyelidikannya di rumah mereka.

## RUJUKAN

- Blackledge, A. 2000. *Literacy, Power and Social Justice*. Stoke-on-Trent: Trentham Books.
- Christian, D. 1996. Two-way immersion education: Students learning through two languages. *Modern Language Journal* 80(2): 66-76.
- Cummins, J. 1991. Interdependence of first and second language proficiency in bilingual children. Dlm. E. Bialystok (Ed.), *Language Processing in Bilingual Children*:70-89. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cummins, J. 2001. Bilingual children's mother tongue: Why is it important for education? *Sprogforum* 7(19): 15-20.
- Cummins, J. 2009. Pedagogies of choice: Challenging coercive relations of power in classrooms and communities. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism* 12(3): 261-271.
- Cummins, J., Swain, M.K., Nakajima, K., Handscombe, J., Green, D. and Tran, C. 1984. Linguistic interdependence among Japanese and Vietnamese in immigrant students. Dlm C. Rivera (Ed.) *Communicative Competence Approaches to Language Proficiency Assessment: Research and Application*: 60-81. Clevedon: Multilingual Matters.

- Cummins, J. & Early, M. 2011. *Identity Texts. The collaborative creation of power in multilingual schools*. Stoke-on-Trent: Trentham Books.
- Escamilla, K. & Hopewell, S. 2010. Transitions to biliteracy: Creating positive academic trajectories for emerging bilinguals in the United States. Dlm. J. E. Petrovic (Ed.), *International Perspectives on Bilingual Education Policy, Practice and Controversy*: 69-94. Charlotte, NC: Information Age Publishing.
- Freeman, Y., Freeman, D., & Ebe, A. 2011. Bilingual books: Bridges to literacy for emergent bilinguals. Dlm. R. Meyer & K. Whitmore (Ed.), *Reclaiming reading: Teachers, students, and researchers regaining spaces for thinking and action*: 224-235. New York: Routledge.
- Gardner, N. 2000. *Basque in education in the Basque autonomous community*. Donostia, Spain: Eusko Jaularitzaren Argitalpen Zerbitzu Nagusia.
- Grosjean, F. 2010. *Bilingual: Life and reality*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Kasari, Y. 2014. Analisis Penerapan Bilingual Class Guna Meningkatkan Keterampilan Berbahasa Inggris Siswa. Studi Kasus di Smart Eureka A National Plus School Depok. Tesis Sarjana Pendidikan, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Indonesia.
- Kementerian Pendidikan. 2010. Nurturing active learners and proficient users. *2010 Mother Tongue Languages Review Committee Report*. Ministry of Education, Singapura.
- Kenner, C. 2004. Community school pupils reinterpret their knowledge of Chinese and Arabic for primary school peers. Dlm. E. Gregory, S. Long and D. Volk (Ed.), *Many pathways to literacy*: 105-116. London: Routledge Falmer.
- Kenner, C., Gregory, E., Ruby, M. and Al-Azami, S. 2008. Bilingual learning for second and third generation children. *Language, Culture and Curriculum* 21(2): 120-37.
- Lee, Y. 2014. Promise for Enhancing Children's Reading Attitudes Through Peer Reading: A Mixed Method Approach. *The Journal of Educational Research* 107(6): 482-492.
- Lim, S. C. 2013. *My Grandpa, My Atuk*. Singapura: Ethos Books.
- Ma, J. 2008. Reading the word and the world: How mind and culture are mediated through the use of dual-language storybooks. *Education* 36(3): 237-251.
- Mukhlis Abu Bakar. 2007. "One size can't fit all": A story of Malay children learning literacy. Dlm. V. Vaish, S. Gopinathan and Y. Liu (Ed.), *Language, Capital, Culture: Critical Studies of Language and Education in Singapore*: 175-205. Rotterdam: Sense Publishers.
- Mukhlis Abu Bakar. 2016. Transmission and development of literacy values and practices: An ethnographic study of a Malay family in Singapore. Dlm. R. E. Silver dan W. D. Bokhorst-Heng (Ed.), *Quadrilingual Education in Singapore: Pedagogical Innovation in language Education*: 23-38. Singapore: Springer.
- Musfirah Mohd & Muhd 'Ammar. 2013. *Budi Beruang yang Rajin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Oller, D. K., & Eilers, R. E. (Ed.). 2002. *Language and literacy in bilingual children*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Pakir, A. 2000. Singapore. Dlm. W. K. Ho dan R. Y. L. Wong (Ed.), *Language Policies and Language Education: The Impact in East Asian Countries in the Next Decade*: 259-84. Singapore: Times Academic Press.
- Semingson, P., Pole, K., & Tommerdahl, J. 2015. Using bilingual books to enhance literacy around the world. *European Scientific Journal* 3 (Edisi khas): 132-139.
- Sharon Ismail. 2013. *Makan Time!* Singapura: Dua M Pte Ltd.
- Sneddon, R. 2008a. Young bilingual children learning to read with dual language books. *English Teaching: Practice and Critique* 7(2): 71-84.
- Sneddon, R. 2008b. Magda and Albana: Learning to read with dual language books. *Language and Education* 22(2): 137-54.
- Tuafuti, P. & McCaffery, J. 2005. Family and community empowerment through bilingual education. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism* 8(5): 480-503.
- Vaish, V. & Aidil Subhan. 2015. Translanguaging in a reading class. *International Journal of Multilingualism* 12(3): 338-357.
- Walcott, H. 1994. *Transforming qualitative data: Description, analysis, and interpretation*. Thousand Oaks: Sage.
- Wardani, K. Y. T., Koyan, I. W., & Wirya, I. N. 2013. Penerapan Metode Bilingual Berbantuan Media Flashcard untuk Meningkatkan Kemampuan Berbahasa Inggris Anak Kelompok B2 di TK Saiwa Dharma Singaraja. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. Universitas Pendidikan Ganesha.
- Williams, C., Lewis, G. and Baker, C. (Peny.) 1996. *The Language Policy: Taking Stock*. Llangefni, Wales: CAI.

Mukhlis Abu Bakar  
 Institut Pendidikan Nasional  
 Universiti Teknologi Nanyang  
 SINGAPURA  
 E-mel: mukhlis.abubakar@nie.edu.sg

Diserahkan: 6 Januari 2017

Diterima: 27 April 2017

